

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **KAJIAN TAHAP SOSIALISASI KANAK-KANAK LEPASAN TABIKA PERPADUAN TERHADAP HUBUNGAN KAUM DAN PERPADUAN NEGARA**

Oleh

Anna Christina Abdullah, Ph.D Subadrah Madhawa Nair, Ph.D

Najeemah Mohd. Yusuf, Ph.D Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Hairul Nizam Ismail, Ph.D Universiti Sains Malaysia

#### **1. Pendahuluan**

Pola interaksi sosial antara kumpulan pelbagai etnik dapat dipupuk melalui dasar pendidikan kebangsaan yang berorientasikan perpaduan (Vander Zanden, 1989). Sosialisasi antara pelbagai etnik harus disemai pada peringkat kanak-kanak lagi dan sekolah menjadi tempat yang paling sesuai untuk memupuk semangat tersebut. Sekolah berfungsi sebagai tapak asas yang dapat menginteraksikan kanak-kanak pelbagai etnik dalam satu persekitaran budaya dan masyarakat sekolah yang bertoleransi. Pendidikan formal merupakan satu keperluan asasi sosial yang disediakan oleh pihak pemerintah bagi memenuhi kehendak masyarakat.

Di Malaysia terdapat Sistem Pendidikan Kebangsaan dan matlamat keseluruhan ialah untuk mencapai perpaduan nasional. Seperti mana pembelajaran kemahiran sosioemosi yang berkembang dengan pesat pada awal kanak-kanak, potensi perkembangan semangat perpaduan di peringkat prasekolah memang diharapkan akan tercapai dan menjadi salah satu agenda utama Tabika Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional.

## **2. Objektif Kajian**

- i. Mengenal pasti tahap sosialisasi kanak-kanak lepasan kelas Tabika Perpaduan terhadap perhubungan kaum dan perpaduan negara; dan
- ii. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan tahap sosialisasi dalam kalangan lepasan Tabika Perpaduan.

## **3. Soalan Kajian**

- i. Apakah tahap sosialisasi kanak-kanak lepasan kelas Tabika Perpaduan terhadap ' perhubungan kaum dan perpaduan negara?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap sosialisasi kanak-kanak lepasan kelas Tabika Perpaduan terhadap perhubungan kaum dan perpaduan Negara berdasarkan beberapa dimensi demografik (etnik, jantina, negeri, dan lokasi, iaitu, kawasan di sekolah?
- iii. Bagaimanakah guru dan ibu bapa memainkan peranan dalam meningkatkan tahap sosialisasi dalam kalangan kanak-kanak lepasan Tabika Perpaduan?
- iv. Apakah faktor-faktor lain yang mempengaruhi perkembangan tahap sosialisasi di kalangan kanak-kanak lepasan Tabika Perpaduan?

Kajian ini akan cuba meneliti tahap sosialisasi kanak-kanak, dengan menumpukan pada enam aspek yang menggambarkan konstruk perhubungan kaum dan perpaduan negara, iaitu, bahasa, sempadan etnik, prasangka, jarak sosial, kemahiran sosial, dan pola persahabatan.

#### 4. Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif melibatkan pendekatan temu bual dan pemerhatian, manakala kaedah kuantitatif melibatkan pendekatan tinjauan dan soal selidik.

Populasi kajian:

- Semua kanak-kanak lepasan kelas Tabika Perpaduan Negara Tahun 2006
- Sedang belajar di Tahun Satu di sekolah rendah kerajaan yang mempunyai komposisi murid pelbagai kaum atau etnik
- Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

Sampel kajian:

- 240 orang murid Tahun Satu yang telah dipilih secara kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan kaedah temu bual.
- 203 orang murid Tahun Satu dengan kaedah pemerhatian.
- 248 orang guru dan 156 orang ibu bapa melalui tinjauan soal selidik.
- 112 orang guru Tabika Perpaduan , 107 orang guru sekolah rendah, dan 61 orang ibu dengan kaedah temu bual.

## 5. Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, data kaedah-kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian yang dianalisis telah mendapati corak dan tahap sosialisasi kanak-kanak lelaki dan perempuan berbangsa Melayu, Cina dan India lepasan Tabika Perpaduan (Darjah 1) terhadap hubungan kaum dan perpaduan negara adalah **agak sederhana rendah**.

### a) Kaedah Pemerhatian (Kuantitatif)

- Kumpulan etnik Melayu mempunyai tahap sosialisasi terendah, diikuti etnik Cina, India dan etnik lain.
- Murid perempuan mempunyai tahap sosialisasi yang lebih baik daripada murid lelaki.
- Terdapat dua lokasi di sekolah yang mempunyai tahap sosialisasi yang tertinggi iaitu kawasan aktiviti ko-kurikulum dan kawasan padang sekolah.
- Tahap dan hubungan sosialisasi murid-murid lepasan Tabika Perpaduan adalah yang tertinggi di kawasan Seberang Perai Utara dan diikuti dengan kawasan Georgetown, Kedah dan akhir sekali kawasan Perak Utara.

### b) Kaedah Pemerhatian (Kualitatif)

Bahagian yang diteliti adalah ruang "catatan" yang terdapat di hujung setiap item yang diperhatikan oleh penyelidik.

### Dapatan Pemerhatian (Kualitatif)

Bil	Tempat	Butir-butir
1.	Kantin Sekolah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Murid umumnya makan dengan rakan mereka daripada bangsa yang sama..</li><li>• Hanya murid yang mempunyai sifat dan personaliti yang periang dan peramah yang kadangkala duduk di meja rakan yang berlainan kaum.</li><li>• Seorang murid perempuan Melayu sering didatangi rakan berbangsa lain ketika dia sedang rnakan.</li></ul>

<b>Bil</b>	<b>Tempat</b>	<b>Butir-butir</b>
2.	Padang Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid umumnya bermain di padang dengan rakan mereka daripada bangsa yang sama</li> <li>• Murid lelaki kelihatan lebih fleksibel. Kadangkala mereka akan bercampur dengan bangsa lain. Ini berbeza dengan pelajar perempuan yang langsung tidak bercampur.</li> <li>• Semasa aktiviti sukan pendidikan jasmani, didapati murid hanya bercampur jika disuruh oleh guru. Biasanya murid berbuat demikian dengan perasaan berat hati (murid menunjukkan riak wajah tidak suka atau tidak setuju).</li> </ul>
3.	Bilik Darjah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid umumnya duduk berdekatan dengan rakan sebangsa (kecuali jika tiada pilihan). Ini berlaku kepada seorang murid lelaki berbangsa Cina.</li> <li>• Murid umumnya akan membantu rakan berbeza bangsa dalam hal pelajaran. Didapati murid hanya membantu apabila diminta oleh rakan tersebut sahaja.</li> <li>• Seorang murid lelaki Melayu sering berselisih faham dengan rakan berbangsa India. Murid-murid tersebut pernah bergaduh di beranda di luar bilik darjah mereka.</li> </ul>
4.	Tempat Perhimpunan Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid umumnya beratur di tempat perhimpunan dengan rakan mereka daripada bangsa yang sama.</li> <li>• Murid biasanya berbual dengan rakan daripada bangsa yang sama.</li> <li>• Di sebuah sekolah, murid berbangsa India berkumpul di barisan belakang.</li> <li>• Seorang murid lelaki Cina cenderung bercampur dengan murid Melayu daripada murid India.</li> </ul>
5.	Tempat Aktiviti Ko-Kurikulum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid menjalankan aktiviti ko-kurikulum mereka bersama rakan sebangsa.</li> <li>• Mereka hanya akan bercampur dengan bangsa lain jika disuruh dan dipaksa oleh guru. Namun ini biasanya akan diikuti dengan perasaan berat hati (menunjukkan riak wajah tidak suka atau tidak setuju).</li> <li>• Kadangkala murid akan kembali kepada kumpulan asal mereka selepas beberapa ketika.</li> </ul>
6.	Selepas Waktu Persekolahan (Untuk Balik)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid menunggu kenderaan mereka bersama-sama dengan rakan mereka daripada bangsa yang sama.</li> </ul>

### c) Kaedah Soal Selidik

- Bahagian ini memaparkan min bagi setiap elemen yang dikaji sebagai mewakili konstruk sosialisasi kanak-kanak terhadap perhubungan kaum dan perpaduan negara berdasarkan amalan dan pandangan guru dan ibubapa mereka.
- Bagi pandangan guru, faktor bahasa dan jarak sosial memainkan peranan yang paling kuat dalam mewujudkan sosialisasi kanak-kanak diikuti oleh faktor sempadan etnik/identiti etnik, sempadan etnik/budaya dan seterusnya faktor prasangka.
- Bagi ibu bapa, faktor bahasa adalah paling tinggi memainkan peranan dalam mewujudkan tahap sosialisasi kanak-kanak diikuti oleh faktor sempadan etnik/identiti etnik, diikuti dengan faktor sempadan etnik/budaya, jarak sosial dan prasangka.

### d) Kaedah Temu Bual

- Melalui kaedah temu bual dengan murid, dapat dirumuskan bahawa pola persahabatan murid adalah sehalu iaitu Melayu dengan Melayu, Cina dengan Cina dan India dengan India.

#### Dapatan Temu Bual Murid

Dimensi	Rumusan dapatan
Bahasa	Ramai murid menyatakan mereka lebih suka bertutur dalam bahasa ibunda dan mereka bertutur dalam Bahasa Melayu dalam kelas sahaja
Sempadan Etnik (budaya)	Murid suka bermain dengan rakan bangsa sendiri dan kurang gemar mernakai pakaian bangsa lain, memakan makanan bangsa lain dan berkunjung ke rumah rakan bangsa lain (sempadan etnik tebal).
Identiti Etnik	Ramai murid telah menyatakan mereka suka kepada rakan bangsa lain

<b>Dimensi</b>	<b>Rumusan dapatan</b>
Jarak Sosial	Jarak sosial adalah renggang kerana ramai murid menyatakan tidak suka tinggal serumah atau kongsi makanan atau pakaian dengan rakan bangsa lain.
Prasangka	Ramai murid menyatakan mereka suka bangsa sendiri sahaja. Prasangka murid adalah tebal kerana ramai murid menyatakan mereka lebih suka bangsa sendiri kaya dan maju
Kemahiran Sosial	Kemahiran sosial murid baik, ramai yang suka membantu rakan daripada bangsa lain.
Pola Persahabatan	Kebanyakan murid suka berkawan dengan bangsa sendiri. Hanya murid daripada sekolah berpopulasi multi-etnik yang mempunyai rakan daripada bangsa lain (1% sahaja).

- Didapati guru percaya bahawa mereka telah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap sosialisasi dalam kalangan murid pelbagai kaum di sekolah rendah dengan melaksanakan aktiviti di dalam dan luar bilik darjah supaya interaksi antara murid pelbagai kaum dapat ditingkatkan.

#### **Dapatan Temu Bual Guru (Tabika & Sekolah Rendah)**

<b>Aspek</b>	<b>Rumusan dapatan</b>
Bahasa	Guru berpendapat majoriti murid Cina dan India kurang bertutur dalam Bahasa Melayu semasa di tabika tetapi dapat bertutur dengan baik semasa dalam darjah satu
Interaksi	Murid dapat berinteraksi dengan baik semasa Darjah Satu walaupun kadangkala berlaku pergaduhan kecil antara murid. Akan tetapi didapati murid masih suka memilih rakan sebangsa.
Aktiviti yang dilaksanakan oleh guru	Murid melibatkan diri dalam semua aktiviti dan aktif berinteraksi dengan rakan berlainan bangsa. Ibu bapa juga tiada masalah berinteraksi dengan ibu bapa berbangsa lain semasa aktiviti di sekolah.
Kurikulum Tabika Perpaduan	Ramai guru menyatakan kurikulum Tabika Perpaduan memang pentingkan perpaduan.
Kerjasama sekolah, guru dan ibu bapa	Ramai guru menyatakan tiada masalah dalam melibatkan guru dan ibubapa dalam membantu program integrasi kaum.

- Peranan yang dimainkan oleh ibu bapa adalah kurang menyerlah. Kenyataan ini membuktikan ramai ibu bapa kurang peka dengan isu perpaduan.

### Dapatan Temu bual Ibu Bapa

Aspek	Rumusan Dapatan
Bahasa	Ibu bapa hanya bertutur dalam Bahasa Malaysia apabila perlu dan banyak menggunakan bahasa ibunda.
Interaksi dalam rumah	Ibu bapa hanya berbincang tentang kerja sekolah. Mereka tidak berbincang tentang rakan berbangsa lain atau membawa anak ke rumah rakan berbangsa lain.
Galakkan berkawan dan aktiviti lain berkaitan bangsa lain	Ibu bapa memberi kebebasan kepada anak dalam berkawan dan memilih kawan masing-masing, tidak menggalakkan anak mengenali makanan, pakaian atau agama dan bangsa lain tetapi suka anak mereka belajar bahasa bangsa lain
Kepentingan Perpaduan	Tidak berbincang dengan anak tentang kepentingan perpaduan sebab tidak tahu cara berbuat demikian.

## 6. Cadangan

### a) Faktor persekitaran rumah- cadangan program ibu bapa

JPNIN mengadakan aktiviti yang sedikit sebanyak boleh mempengaruhi ibu bapa ke arah pembinaan persekitaran rumah yang kondusif kepada peningkatan tahap sosialisasi kanak-kanak terhadap hubungan kaum dan perpaduan Negara.

Program kerjasama sekolah-rumah (*home-school partnership*) seperti perjumpaan, pengetahuan tentang perkembangan kanak-kanak penggunaan perkhidmatan komunikasi terkini, lawatan ke rumah, jemputan melawat ke Tabika, dan penglibatan lain.



**b) Persekitaran Tabika dan sekolah yang mono-etnik - cadangan untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak pelbagai kaum**

- Pengenalan subjek bahasa Mandarin dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan.
- JPNIN menubuhkan Tabika Perpaduan di kawasan perumahan yang penduduknya pelbagai kaum agar kanak-kanak Malaysia daripada pelbagai kaum dan agama berpeluang untuk bergaul mesra dan bersosialisasi sebelum masuk ke alam persekolahan.
- JPNIN boleh menganjurkan beberapa aktiviti sebagai usaha 'perhubungan awam' untuk menonjolkan peranan dan usaha yang dijalankan oleh Jabatan dalam mempromosikan hubungan kaum dan perpaduan negara. Aktiviti seperti ini dapat meningkatkan profil Jabatan dan juga berperanan sebagai 'iklan' untuk Tabika Perpaduan menarik lebih ramai kanak-kanak.
- Aktiviti yang berorientasikan komuniti (penyertaan ahli komuniti digalakkan) seperti konsert kanak-kanak, pesta kebudayaan, aktiviti menceritakan (story telling), dan lain-lain yang dirancang khas untuk penyertaan kanak-kanak dan keluarga mereka haruslah dilaksanakan. Perlu juga digalakkan sumbangan dan input ahli komuniti dalam perancangan program Tabika Perpaduan. Jika mereka diberi peluang memberi idea dan cadangan supaya program Tabika Perpaduan lebih inklusif dan mencerminkan budaya pelbagai kaum, besar kemungkinan lebih ramai kanak-kanak pelbagai kaum akan hadir ke Tabika Perpaduan.
- Ibu bapa dan ahli komuniti juga boleh diminta memberi cadangan berkaitan kurikulum, kaedah mengajar dan persekitaran pembelajaran di Tabika

Perpaduan. Penyertaan ibu bapa dan ahli komuniti yang lain dapat diperoleh semasa penganjuran aktiviti komuniti yang dicadangkan.

**c) Aktiviti bilik darjah yang kurang merangsangkan interaksi pelbagai kaum, kefahaman dan apresiasi budaya lain - Cadangan Untuk Program dan kurikulum Tabika Perpaduan**

- Kurikulum di Tabika Perpaduan haruslah sesuai umur kanak-kanak pelbagai kaum, dan budaya pelbagai kaum hendaklah diperkenalkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi agar mereka dapat mempelajari, memahami, dan menghormati budaya kaum lain.
- Hasil pembelajaran sesuatu kurikulum hanya dapat dicapai melalui peluang pembelajaran yang disediakan oleh guru sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Peluang pembelajaran dirancang oleh guru dengan mengambil kira bahan dan strategi yang paling sesuai mengikut tahap perkembangan kanak-kanak.
- Maka kurikulum atau program Tabika Perpaduan harus menyatakan secara eksplisit falsafah dan misi berkaitan perkembangan kemahiran sosialisasi kanak-kanak terhadap hubungan kaum dan perpaduan negara.

**d) Cadangan untuk latihan dan perkembangan profesional guru**

Guru perlu memahami dan apresiasi saling bergantung antara manusia, budaya dan alam sekitar, mempraktikkan amalan hormat-menghormati terhadap sifat dan pengalaman yang berbeza, mengakui bahawa diskriminasi berbentuk peribadi, budaya dan institusi mengwujudkan dan mengekalkan keistirnewaan bagi golongan tertentu sambil mewujudkan dan mengekalkan ketidakadilan bagi kumpulan lain dan membina perikatan merentasi perbezaan supaya dapat bekerjasama bagi membasmi segala bentuk diskriminasi.

## 7. Kesimpulan

Dapatan kajian ini tidak merupakan sesuatu yang mengejutkan atau tidak dapat dijangkakan. Sebenarnya adalah satu tugas yang agak sukar (dan mungkin juga mustahil) jika diharapkan JPNIN dapat mencapai objektif memupuk dan mengembangkan tahap sosialisasi dalam kalangan kanak-kanak terhadap hubungan kaum dan perpaduan negara sekiranya sistem politik, ekonomi dan sosio budaya yang wujud di luar persekitaran Tabika.

Berdasarkan kajian, terbukti murid dari Tabika Perpaduan yang mempunyai kanak-kanak daripada pelbagai etnik dapat berinteraksi antara etnik jika dibanding dengan murid dari Tabika Perpaduan yang mempunyai kanak-kanak daripada satu kumpulan etnik sahaja. Walaubagaimanapun, bentuk sosialisasi begini hanya sekadar 'superficial' atau cetek kerana ketidakpuasan hati terhadap ketidaksamarataan peluang dan taraf sosioekonomi masih wujud dalam hati dan pemikiran majoriti rakyat pelbagai kaum. Dengan itu, usaha untuk meningkatkan tahap sosiahsasi antara murid pelbagai etnik juga bergantung kepada skop dasar dan program yang diperkenalkan dan pelaksanaannya oleh pelbagai peringkat agensi kerajaan. Jika tidak dapat dilaksanakan pola interaksi sosial antara pelbagai etnik, maka 'Satu Negara Satu Bangsa' hanya akan tinggal sebagai slogan tanpa penghayatan semua rakyat Malaysia.